



TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI AL-SULTAN
ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH
AL-MUSTA'IN BILLAH**

**ISTIADAT MENGHADAP DAN ISTIADAT PENGURNIAAN
DARJAH KEBESARAN,
BINTANG DAN PINGAT
WILAYAH PERSEKUTUAN 2023**

**1 FEBRUARI 2023 [RABU]
BERSAMAAN 10 REJAB 1444 HIJRAH**

BALAIRUNG SERI, ISTANA NEGARA, KUALA LUMPUR

Bismillaahir Rahmanir Rahiim

**Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wassolaatu
Wassalaamu 'Ala Asyrafil Anbiyaa'i Wal
Mursaliin, Wa'ala Aalihi Wa Sohbihi Ajma'iin.
Rabbish rahli sadri, Wayassirli amri, Wahlul
'uqdatan min lisaani, Yafqahu qauli.**

1. Alhamdulillah. Segala pujian ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala Yang Maha Berkuasa dan salam ke atas junjungan besar Baginda Rasul Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, serta kepada keluarga dan para sahabat Baginda.

2. Beta merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana atas limpah dan kurnia-Nya dapat beta dan Raja Permaisuri Agong berangkat hadir ke Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan bersempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan bagi tahun 2023.

3. Tahun ini merupakan tahun ke-16 Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan semenjak penubuhan Kementerian Wilayah Persekutuan, yang mana kini dinamakan sebagai Jabatan Wilayah Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

4. Dukacita, beta ingin sekali lagi menzahirkan ucapan takziah kepada seluruh keluarga mangsa yang terlibat dalam kejadian tanah runtuh di Batang Kali, Selangor. Terima kasih dan setinggi penghargaan kepada anggota-anggota jabatan dan agensi yang telah bertungkus lumus dalam operasi mencari dan menyelamatkan mangsa. Dedikasi dan semangat ini hendaklah dijadikan contoh rakyat beta. Beta juga menyeru, agar rakyat beta sentiasa mematuhi panduan pencegahan dan kawalan penyakit yang digariskan Kerajaan dan sebatikan norma baharu dalam kehidupan seharian, dalam situasi endemik COVID-19 negara. Adalah menjadi harapan beta, agar rakyat beta akan terus kekal aman, bersatu hati dan bersabar menghadapi ujian dari Allah Subhanahu Wata'ala ini.

5. Pertama-tamanya, beta ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Perpaduan di bawah kepimpinan baharu Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim. Besar harapan beta agar Kerajaan beta ini melipat gandakan usaha dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan memberikan sokongan dalam pembangunan Wilayah Persekutuan sebagai bandaraya yang unggul dan mampan di negara ini.

6. Terima kasih juga atas perutusan sembah ucapan menjunjung kasih oleh Memanda Perdana Menteri yang juga bertanggungjawab ke atas Wilayah Persekutuan yang telah menegaskan kesungguhan dan memberikan komitmen untuk memastikan sistem Kerajaan yang berintegriti, sentiasa prihatin dengan permasalahan ekonomi dan sosial yang dihadapi rakyat beta dalam Wilayah Persekutuan.

7. Beta amat bersukacita dan berbangga setelah disembang maklum akan usaha-usaha proaktif dan inisiatif Jabatan Wilayah Persekutuan dan agensinya dalam meningkatkan taraf hidup dan meringankan beban warga Wilayah Persekutuan secara khususnya. Pelbagai

insentif dan bantuan yang dizahirkan memberi manfaat segenap lapisan masyarakat, termasuk pemberian bantuan kebajikan rakyat miskin dan terjejas pendapatan, inisiatif pembasmian miskin tegar bandar, dan menyediakan kediaman yang selesa untuk warga berpendapatan rendah, selain program-program kemasyarakatan yang lain.

8. Beta juga amat bersyukur dengan komitmen Kerajaan di bawah memanda Perdana Menteri menjaga kemaslahatan rakyat beta dalam menangani isu-isu semasa negara dan secara tidak langsung merangsang pengukuhan sosio dan ekonomi rakyat beta. Beta gembira akan inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan beta dengan prinsip menjaga kebajikan rakyat, mengeratkan perpaduan, meringankan dan menaikkan taraf hidup rakyat di Wilayah Persekutuan melalui pembaharuan yang akan dilaksanakan sejajar dengan prinsip yang telah ditetapkan.

9. Beta juga berharap bantuan kepada golongan miskin dan terjejas di Wilayah Persekutuan juga diteruskan bagi membantu mengurangkan kos sara hidup yang

ditanggung golongan miskin bandar. Inisiatif yang diperkenalkan oleh Jabatan Wilayah Persekutuan ini sedikit sebanyak membantu mereka yang kurang berkemampuan memandangkan keadaan ekonomi semasa yang menyebabkan kos sara hidup rakyat meningkat.

10. Kerajaan beta juga sedar akan banjir kilat yang sentiasa melanda Wilayah Persekutuan. Ini memberikan kesan yang teruk terutama kepada rakyat beta yang berpendapatan rendah. Justeru, sukacita beta ingatkan agar sebarang kemajuan yang dilaksanakan tidak sesekali mengabaikan faktor pemuliharaan alam sekitar. Janganlah rakus terhadap pembangunan sehingga mengabaikan faktor alam sekitar yang akhirnya memberikan kesan yang buruk kepada rakyat.

11. Pembangunan yang tidak mendesak dan tidak perlu haruslah dikawal agar tragedi mengorbankan nyawa akibat kerakusan pembangunan tidak berulang dan menimpa ke atas rakyat beta. Beta berharap agar semua mengambil iktibar dan pengajaran daripada tragedi-

tragedi yang buruk berlaku sebelum ini.

12. Pada hari ini, sukacita beta berkenan menganugerahkan darjah kebesaran, bintang dan pingat Wilayah Persekutuan kepada para penerima yang telah banyak mencurahkan jasa dan bakti dalam usaha membangunkan serta memajukan Wilayah Persekutuan. Anugerah ini adalah pengiktirafan Kerajaan beta ke atas pengorbanan serta sumbangan saudara dan saudari sekalian. Adalah menjadi kewajipan kepada semua penerima agar sentiasa menjaga maruah, integriti, dan nama baik diri bagi mengekalkan kemuliaan serta martabat anugerah ini.

13. Beta juga ingin mengingatkan bahawa penganugerahan darjah kebesaran, bintang dan pingat bukanlah untuk dijadikan sebagai batu loncatan kepada kemuliaan darjat, sebaliknya jadikanlah sebagai pemangkin kepada saudara dan saudari sekalian untuk terus komited dalam memberikan khidmat bakti dan jasa kepada negara Malaysia.

14. Mengakhiri titah, beta dan Raja Permaisuri Agong

berdoa semoga Malaysia serta seluruh rakyat beta akan terus diberkati dan dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan taufik dan hidayah, serta kehidupan yang aman sentosa dan utuh bersatu di bawah lindungan-Nya. Semoga Wilayah Persekutuan dan negara sentiasa berada dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dari sebarang musibah dan malapetaka, InsyaAllah.

Sekian.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ